

# Identiti dan Pertimbangan Keadilan

HAZMAN BAHAROM

## Abstrak

Prinsip keadilan pertama yang digariskan Rawls adalah melibatkan keutamaan terhadap jaminan kebebasan individu, serta hak yang sama rata terhadap kebebasan tersebut wajar dirasai setiap insan. Pada masa yang sama, apabila kita meninjau hakikat masyarakat majmuk – budaya, kaum, agama, kelas, dan sebagainya – kita akan dapati bahawa kebanyakan pertimbangan terhadap sesuatu perkara peribadi ditentukan oleh identiti yang dibawa bersama seseorang individu itu juga. Tambahan lagi, kumpulan beridentiti (*identity groups*) merupakan hasil gabungan individu yang mengandungi konstruk identiti yang dikongsi bersama. Hal ini akan menambah merumitkan keadaan apabila (1) kebebasan individu yang hendak dijamin boleh diragui keabsahannya dan (2) jika berlakunya percanggahan antara kehendak kumpulan beridentiti dengan tindakan individu yang menganggotainya. Perlu diingat, dalam sebuah masyarakat majmuk, bukan sahaja hal-hal utilitarian yang wajar diambil kira dalam pertimbangan dasar awam, tetapi nuansa kebudayaan juga perlu dititikberatkan. Justeru, kertas ini akan meninjau masalah yang bakal dihadapi prinsip keadilan pertama Rawls dalam konteks masyarakat yang memiliki pelbagai kumpulan beridentiti; yang bukan sahaja perlu *diiktiraf*, tetapi juga *dipelihara* kewujudan mereka oleh institusi politik supaya konsisten dengan ideal “kehidupan yang baik” (*the good life*) dalam kalangan anggota sesuatu kumpulan. Lewat kertas ini, saya akan menilai hujahan di peringkat politik, dan merumuskan bahawa kerangka Rawls berupaya dikembangkan dari

sudut ini dengan memberi prioriti kepada pilihan individu tanpa memusnahkan kehendak sesuatu budaya, agama, atau kelompok. **Kata kunci:** *Rawls, identiti, budaya, masyarakat majmuk.*

## 1 Pendahuluan

Beberapa persoalan kontemporari di dunia kita pada hari ini benar-benar menuntut perbincangan serta renungan yang serius. Hampir kesemuanya melibatkan persoalan keanggotaan (*membership*) seseorang individu atau kumpulan dalam sesebuah identiti yang dikongsi bersama, perbezaan antara seorang manusia dengan manusia yang lain yang hampir-hampir menjadi penanda aras moraliti, serta pilihan individu *vis-à-vis* kehendak sebuah kelompok yang lebih besar yang dianggotai individu tersebut.

Dalam sebuah masyarakat majmuk, terutamanya di negara maju selepas Revolusi Perindustrian dan di negara membangun selepas dekolonisasi, kita tidak dapat menafikan kerencaman budaya yang luas sekali. Bukan sekadar itu, memasuki abad ke-21 pula, rantau kita terutamanya Asia Tenggara banyak diwarnai konflik tidak kira dalaman mahupun antara negara – semuanya menuntut kepada bahasan segar lagi bernas. Persoalan seputar kebudayaan, kewarganegaraan, hubungan autoriti kekuasaan dengan institusi agama, migrasi serta hak-hak buruh, pencemaran alam sekitar, dan bermacam-macam lagi; menjadi topik utama yang hangat dibahaskan di ruang-ruang populis di rantau kita.

Jika kita lihat dengan lebih dekat, hampir kesemua persoalan ini bergulir dalam ruang identiti yang menuntut kita untuk menjenhkan hubungan antara individu, masyarakat, autoriti kekuasaan serta konstruk identiti yang dikandung itu. Beberapa contoh untuk menjelaskan perkara yang saya maksudkan, bolehlah disenaraikan antara lain:

1. Isu pelarian Rohingya yang ditindas oleh kelompok majoriti di tanah air mereka di Myanmar, yang telah terkandas di Selat Melaka tidak lama sebelum ini pada tahun 2015. Perbincangan berlaku seputar persoalan kewarganegaraan – adakah perbezaan warganegara wajar mendapat hak layanan sama rata untuk bantuan, jua adakah mereka boleh dibenarkan masuk ke sesebuah negara yang sempadannya diinstitusikan. Satu titik penting yang perlu ditinjau di sini ialah bagaimana sebuah persempadanan palsu negara moden itu sendiri berjaya

menjadi konstruk identiti, walaupun tidak melalui proses pembudayaan yang selalunya mengambil masa yang lama. Hal ini menunjukkan, bahawa dalam negara moden, dimensi ini juga merupakan salah satu ruang yang mengisi konstruk identiti dan wajar ditinjau (terutamanya jika pergi lebih jauh ke daerah perbahasan keadilan global);

2. Isu pergaduhan antara sekelompok masyarakat Melayu dan sekelompok masyarakat Cina di Plaza Low Yat pada Ramadan 2015 yang bermula daripada pertengkaran antara pembeli-peniaga di salah satu kedai telefon bimbit. Di sini juga, ditambah dengan banyak faktor lain, pertimbangan penting antara individu dengan kumpulan, perlakuan dengan pelaku (bersama kelompok yang dianggotai pelaku) telah menjadi kabur. Konstruk identiti telah dibawa dan diperjuangkan melangkaui pertimbangan keadilan yang sewajarnya berjalan. Hal ini juga wajar menyedarkan kita bahawa identiti yang dikandung secara berkelompok juga menjadi punca tindak-tanduk sosial, walaupun tanpa kepentingan material *per se* yang bakal diperoleh;
3. Isu Lina Joy yang menuntut untuk menukar agama secara rasmi di mahkamah beberapa tahun lalu bersama kempen “menyelamatkan akidah” yang giat dijalankan beberapa kumpulan Muslim susulan isu tersebut. Keanggotaan Lina Joy sebagai sebahagian daripada komuniti Muslim telah menjadi salah satu dimensi identiti beliau, dan beliau memilih untuk keluar. Bagi Muslim, adalah penting untuk perbuatan keluar daripada agama dihalang kerana murtad hukumnya “haram” dan untuk “menjaga agama”. Di sini berlaku konflik – antara seorang individu yang memilih untuk keluar dari satu kumpulan beridentiti, dengan kepentingan kumpulan tersebut untuk menjaga nilai-nilai dan anggotanya supaya tidak “rosak”;
4. Isu penggunaan kalimah Allah oleh akhbar penganut Kristian yang hangat dibahaskan beberapa tahun kebelakangan ini – dengan keputusan mahkamah memutuskan bahawa penggunaan kalimah itu tidak sah. Di sini, persoalan penting yang timbul adakah kehendak antara dua kumpulan beridentiti yang wujud dalam sebuah komuniti, yakni Muslim dan Kristian. Bagi (kebanyakan, mungkin) Muslim, penerbitan Kristian di Malaysia tidak sepatutnya dibenarkan menggunakan kalimah

Allah kerana antara lain (1) ia eksklusif untuk umat Islam atas dasar makna yang dikandung perkataan itu dan (2) berpotensi melirukan umat Islam. Jika kita lihat dengan cermat, dua rasional ini amat diwarnai dengan konstruk identiti yang jelas: disebabkan “Allah” merupakan milik satu komuniti bersama makna eksklusifnya yang menjadi salah satu definisi komuniti itu, maka komuniti lain tidak berhak menggunakannya, sehinggakan kuasa paksaan di peringkat politik digunakan untuk halangan ini. Selain itu, isu tanda salib di Gereja Taman Medan yang berlaku pada 2015 juga perlu diambil perhatian. Persoalan yang timbul ialah, setakat mana penonjolan identiti sesuatu kelompok kecil *boleh* dihebahkan, dan munasabahkah protes atas nama “Islam” – sekali lagi, sebagai satu konstruk identiti – terhadap satu premis persendirian yang memilih menonjolkan pilihan identitinya;

5. Isu “chai” di pemilihan semasa Muktamar PAS Tahunan 2015. Umum mengetahui PAS sudah lama terpecah kepada dua golongan – golongan yang kelihatan “progresif” dan golongan yang seolah-olah taksub kepada pemegang gelar “ulama” dalam parti itu – yang klimaks pertembungan itu terjadi semasa pemilihan baru-baru ini. Jadi, soal “chai” ini juga soal identiti, tetapi kasus identiti ini menjangkau hal-hal yang biasa dikaitkan dengan “identiti”, kerana ia melibatkan “identiti dalam identiti” yang dipisahkan dengan kelompok masing-masing dalam satu parti. Persoalan penting yang timbul ialah, semangat demokrasi yang menghendaki setiap individu melakukan pemilihan secara sedar, atas pilihan sendiri, dan atas pertimbangan damir sendiri, telah pun digunakan sebagai platform sekelompok untuk mengikat pemegang identiti mereka dan memanipulasi sistem demokratik itu. Justeru kita wajar mempersoalkan, secara moral, adakah pertimbangan seorang pengundi semasa pemilihan yang hanya bersandar kepada identiti yang ia pegang, dengan menurut perintah “chai” tanpa melakukan kajian yang sewajarnya, merupakan satu proses yang absah? Di titik inilah, sekali lagi kita menyaksikan bagaimana kumpulan beridentiti yang juga berkepentingan selalu sahaja menjadi pertimbangan individu dalam pilihannya – lantas menimbulkan keraguan terhadap prinsip pertama yang dihurai Rawls.

Maka, persoalan penting yang akan menjadi tonggak perbincangan dalam kertas ini ialah; apakah sebenarnya esensi kebebasan individu yang diperlukan supaya tercapai ideal keadilan sosial? Jika kita menganggap bahawa kebebasan individu itu bukan sekadar alat untuk mencapai matlamat, tetapi juga sebahagian daripada matlamat, tidak mustahil juga ia boleh digunakan sebagai alat untuk membantutkan kebebasan juga pada masa depan, jika melihatkan pengaruh kumpulan beridentiti terhadap kebebasan individu. Pada masa yang sama, dalam sebuah masyarakat majmuk, bagaimana ideal setiap individu berlandaskan identiti yang dikandung dirinya, menjadikan kita perlu memikirkan secara lebih mendalam asas kebebasan dalam tradisi liberal itu sendiri.

Di samping itu, sebuah kumpulan beridentiti yang merupakan gabungan individu dan memiliki budaya mereka sendiri – seperti Muslim di Malaysia – memiliki sebab yang absah dan kukuh untuk memelihara identiti kolektif itu. Tetapi, persoalan akan timbul apabila melibatkan pilihan individu yang boleh jadi bercanggah dengan kumpulan itu, lebih parah jika identiti itu diinstitusikan dengan radas perundangan pula.

Justeru, kertas ini akan berusaha menggeluti persoalan-persoalan penting ini. Saya akan menelusuri dahulu prinsip pertama keadilan Rawls yang berpaksikan tradisi liberal Mill serta individualisme Kant, sebelum meninjau identiti serta esensinya secara khusus dalam konteks masyarakat majmuk. Selepas itu, saya akan meninjau pula dari sudut pandang teori sosial, bagaimana percanggahan itu wajar ditanggapi dan seterusnya menjelaskan pula bagaimana boleh kita fikirkan jalan keluar dari kemelut ini. Akhir sekali, saya akan menjelaskan bagaimana rangka asas teori Rawls masih berupaya dikembangkan dalam kaitan ini untuk menjadi asas ideal keadilan dalam masyarakat majmuk.

## 2 Huraian Prinsip Pertama Rawls

Prinsip pertama Rawls, dalam bentuknya yang asli, adalah sebegini:

*Setiap individu perlu memiliki hak sama rata kepada sistem paling ekstensif kebebasan asasi yang sama rata, berpadanan dengan sistem kebebasan yang serupa untuk semua.*<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup>Rawls 1999, hlm. 220.

Prinsip pertama dan kedua yang digariskan beliau perlu diaplikasikan mengikut susunan leksikal – yakni yang pertama perlu wujud dahulu, barulah yang kedua. Pun begitu, kertas ini hanya akan berfokus kepada prinsip pertama sahaja, yakni tentang prinsip kebebasan yang menjadi tonggak kepada idea bahawa setiap individu berhak mencari untuk dirinya sendiri sebuah “kehidupan yang baik” (*the good life*) dalam kalangan pemikir-pemikir liberal. Rawls menjelaskan lagi, bahawa prioriti yang diberikan terhadap kebebasan sebagai batu asas prinsip pertama ini adalah supaya segala upaya sekatan kebebasan hanya boleh dilakukan untuk tujuan mempertahankan kebebasan juga pada akhirnya.<sup>2</sup>

Dalam kaitan ini, kita harus memahami dahulu apakah yang Rawls maksudkan melalui frasa-frasa penting seperti “hak sama rata”, “sistem paling ekstensif kebebasan asasi yang sama rata” serta “sistem kebebasan yang serupa untuk semua”. Tiga frasa penting ini akan saya huraikan berpandukan huraian Rawls sendiri dan juga pemikir-pemikir yang datang selepas beliau.

## 2.1 Hak sama rata

Istilah “hak” perlu difahami dalam rangka analisis hak Hohfeld, yang membawa maksud hak-klaim (*claim-right*), yang mana definisi teknikalnya ialah “A memiliki *hak* untuk B melakukan  $\phi$  jika dan hanya jika B memiliki *tanggungjawab* kepada A untuk  $\phi$ ”. Kesamarataan yang dimaksudkan pula ialah magnitud hak tersebut diberi sama rata antara individu yang berbeza. Jika A ialah anggota masyarakat, maka B ialah institusi sosial asasi masyarakat (*basic social institutions*) tersebut. Sebagai contoh, jika hak kebebasan politik rakyat ialah satu undi dikira untuk seorang pengundi, hal itu perlu berlaku untuk semua individu dalam semua kes. Maka, klaim terhadap kebebasan asasi yang dimaksudkan Rawls itu membawa maksud sekelompok kebebasan asasi yang wajib dijamin dan tidak boleh diganggu-gugat oleh sesiapa pun untuk setiap individu.

## 2.2 Sistem paling ekstensif kebebasan asasi yang sama rata

Kebebasan asasi yang bermakna untuk seorang individu yang hidup dalam satu institusi politik boleh jadi bermacam-macam, tetapi

<sup>2</sup>Memetik Rawls, ‘[T]he precedence of liberty means that liberty can be restricted only for the sake of liberty itself’. Lihat Rawls 1999, hlm. 214.

dalam kes ini kita hadkan kepada beberapa jenis yang paling asas sahaja – kebebasan politik (bebas memilih dalam demokrasi, bebas bersuara, bebas membentuk kumpulan politik, dan sebagainya), kebebasan ekonomi (bebas memiliki dan menggunakan harta, bebas berjual beli, melabur, dan sebagainya) dan kebebasan sosial (bebas dalam ruang peribadi tanpa diganggu-gugat aktivitiinya oleh anggota masyarakat yang lain). Dalam kebanyakan hal, Rawls memberi implikasi bahawa sistem kebebasan asasi yang dipertahankan oleh prinsip pertama itu adalah jenis “kebebasan negatif” (*negative freedom*) seperti yang telah dibahas Isaiah Berlin, iaitu kebebasan yang perlu dijamin dalam satu ruang dan ruang tersebut tidak diganggu dengan halangan atau sekatan (*coercion*) oleh pihak lain.<sup>3</sup> Ia membawa sisi kebebasan dengan persoalan “kebebasan dari apa?” kerana andaian utama dalam tradisi ini yang mengakar sehingga kepada penulisan Mill dan Locke ialah autonomi individu perlu dipertahankan kerana setiap individu itu tahu apa yang terbaik untuk dirinya.

Setiap dimensi kebebasan asasi ini pula perlu dipadankan antara satu sama lain dalam satu “sistem kebebasan asasi” supaya sesuai dengan sesuatu masyarakat tertentu. Setiap dimensi itu dimaksimumkan skop kebebasan yang ia mampu capai selagi tidak mengancam kebebasan dalam dimensi yang lain, sebagai contoh, kebebasan ekonomi dijamin semaksimum mungkin, tetapi tidak sehingga ia mengancam sisi kebebasan politik dan sebaliknya.<sup>4</sup> Jadi, skim yang melibatkan pelbagai dimensi kebebasan ini dikembangkan ke tahap “paling ekstensif” dengan kebebasan paling maksimum setiap kebebasan yang ada, lalu skim ini dijamin *sama rata* untuk semua individu. Dipadankan dengan huraian sebelum ini, *hak*, yakni *klaim* setiap individu terhadap skim paling ekstensif ini juga harus sama rata dan tidak dibezakan melalui magnitud dari sudut masa atau ruang.

### 2.3 Sistem kebebasan yang serupa untuk semua

Sistem paling ekstensif yang dimiliki setiap individu itu pula haruslah “berpadanan dengan sistem kebebasan yang serupa untuk semua”, iaitu kebebasan yang dimiliki setiap individu tidak boleh mencero boh ke dalam kebebasan individu yang lain pula. Hal ini

---

<sup>3</sup>Berlin 1958.

<sup>4</sup>Pettit & Kukathas 1990.

mesti dipastikan saling berpadanan antara satu sama lain, kerana kebebasan hanya boleh dihadkan untuk maksud kebebasan juga akhirnya.

Justeru, prioriti terhadap kebebasan ini bukan sahaja bermaksud keutamaan prinsip pertama ke atas prinsip kedua (menekankan kesamarataan), tetapi juga dalam berhadapan dengan teori tak-ideal yang masyarakatnya tidak memiliki kebebasan asasi yang sama rata untuk setiap individu, atau pun sistem kebebasan asasi masih tidak ekstensif lagi. Dalam kes sebegini, bagi Rawls, prioriti pertama juga membawa maksud (1) kebebasan yang masih belum ekstensif mesti diperkukuh supaya sistem kebebasan agregat yang dikongsi bersama oleh anggota masyarakat berkembang, dan (2) jika tidak dapat disamaratakan sistem kebebasan untuk semua (atas apa sahaja sebab), sistem kebebasan yang kurang sama rata mestilah boleh diterima oleh anggota masyarakat yang memiliki kebebasan yang kurang itu.<sup>5</sup>

Jika kita lihat secara dekat, jenis kebebasan yang ingin dijamin ialah kebebasan negatif, dengan andaian bahawa semua orang akan dapat mengenal dan memilih masa depan diri sendiri demi mencapai “kehidupan yang baik”. Pun begitu, kita juga tidak dapat lari daripada kemungkinan bahawa sebenarnya biarpun kebebasan negatif terjamin, belum tentu manusia memiliki kebebasan positif, dan di sinilah persoalan utama kertas ini akan berkisar. Setiap daripada kita dibesarkan dan hidup dalam ranah kebudayaan tertentu, dan andaian-andaian yang wujud dalam setiap budaya ini akan kemudiannya mendefinisikan pilihan kita, idea kita tentang apa “yang wajar” dan apa “yang tak wajar”, dan pelbagai lagi keputusan hidup yang lain. Kebudayaan kolektif inilah yang kemudiannya hidup dalam kelompok manusia, menjadikan ia sebenarnya ialah cara hidup agregat sebahagian individu yang mempraktikkan kebebasan mereka untuk hidup dan memilih cara hidup. Ia juga menimbulkan rasa kebersamaan yang sememangnya sehati dalam semua masyarakat manusia, dan ini merupakan antara sifat kemanusiaan yang tak terelakkan sepanjang sejarah.<sup>6</sup>

Meneliti dalam kasus identiti pula, yang mengisi identiti setiap individu itu bukanlah dirinya sendiri, tetapi selalu sahaja merupakan kombinasi apa yang ia mahukan dan kebanyakannya daripada

---

<sup>5</sup>Rawls 1999.

<sup>6</sup>Lihat Fukuyama 2011. Selain itu, perihal *assabiyah* sebuah kelompok manusia juga dibahasakan oleh Ibn Khaldun dalam *al-Muqaddimah*.



masyarakat yang ia hidup di dalamnya. Sebab itulah, pilihan setiap individu untuk mengenal pasti dirinya sendiri selalunya akan dilakukan dengan menghubungkan dirinya dengan satu entiti kebudayaan yang lebih besar, seperti “saya Melayu”, “saya Muslim”, dan sebagainya. Dan kelompok identiti inilah yang kemudiannya bukan sahaja menentukan bagaimana seseorang individu itu memilih, tetapi juga memiliki etos sendiri, kehendak sendiri yang akan menimbulkan persoalan seterusnya.

### 3 Identiti, Esensinya, dan Persoalan Masyarakat Majmuk

Dalam sebuah masyarakat majmuk, satu hakikat yang perlu diiktiraf ialah beberapa dimensi identiti bukan sahaja dipegang oleh individu, tetapi juga oleh kumpulan beridentiti itu sendiri. Kes sebegini akan menuntut kita untuk membezakan antara kumpulan beridentiti dengan kumpulan berkepentingan (*interest groups*) yang memiliki cita-cita – selalunya bersifat material, kumpulan menjadi alat kepada matlamat yang lain. Tetapi dalam kes kumpulan beridentiti, kebanyakan daripada mereka tidak menjadikan kumpulan sebagai alat, tetapi kumpulan itulah matlamat mereka dalam zatnya sendiri (*an end in itself*).<sup>7</sup> Hal ini akan merumitkan keadaan, bilamana kumpulan beridentiti memiliki esensi yang akan kemudiannya menuntut supaya (1) kebebasan tidak dikembangkan dengan lebih ekstensif dan (2) esensi mereka bercanggah dengan prinsip keadilan pertama Rawls yang menggariskan kebebasan di peringkat individu. Dalam masa yang sama, tatkala Rawls mementingkan kebebasan individu, kebanyakan individu lebih selesa untuk memadankan diri mereka dalam mana-mana kumpulan beridentiti hanya kerana identiti tersebut, bukan atas sebab-sebab lain.

Untuk memahami esensi setiap konstruk identiti yang selalu kita kaitkan dengan individu yang mengandungnya, kita perlu melihat kepada apa yang menjadi ciri identiti, dan mengapa ia merupakan sesuatu yang amat mendalam kesannya terhadap pandangan masa depan serta sikap seseorang. Identiti dalam masyarakat majmuk tidak sahaja memiliki sisi individualiti – yakni unik kepada mana-mana individu, tetapi juga perlu mempunyai sejenis dimensi kolektif yang dapat membina kebersamaan, sama ada dalam bentuk fizikal

---

<sup>7</sup>Gutmann 2003.

perbuatan, kepercayaan, atau rangka metafizik yang dipegang bersama. Hal inilah, antara lain, yang menjadikan pertimbangan keadilan dalam kerangka masyarakat majmuk sebagai sesuatu yang lebih rumit berbanding melihat setiap individu secara atomistik, terpisah dan membina konstruk identitinya sendiri.

Identiti merupakan satu hasil daripada proses pengenalan-diri (*identification*), satu proses bilamana seorang individu membentuk projek dirinya dengan merujuk kepada set identiti sedia ada yang wujud dalam semesta kewujudannya. Ia memiliki unsur yang menjadi esensi kepada sesuatu identiti, yang diterjemahkan kepada label yang diketahui dirinya serta orang lain. Berdasarkan esensi ini pula, seorang individu akan menuruti apa yang ia anggap sebagai munasabah dalam hidup sebagai manusia yang mengandung esensi itu.

Bagi Kwame Anthony Appiah, setiap identiti kolektif mempunyai tiga struktur utama. Pertama, kewujudan kriteria dalam wacana awam yang diguna pakai untuk menandai individu yang mengandung identiti tersebut. Jadi, dengan cara ini, manusia akan dikenal sebagai anggota sesuatu kumpulan yang diketahui memiliki sesuatu identiti tersebut – contohnya Melayu, Cina, India.

Kewujudan syarat mengenali kelompok-kelompok ini dalam wacana awam menuntut supaya ia dikenali secara bersama dalam kalangan kebanyakan anggota masyarakat bahawa label-label sebegini sememangnya wujud dan adanya seolah satu konsensus tentang bagaimana untuk mengaplikasikan label-label ini berkait bagaimana hendak mengenal mereka, bagaimana mereka biasanya hidup, dan bagaimana sikap mereka. Andaikan bahawa wujudnya satu label yang tipikal untuk satu kumpulan “K”. Justeru, kita boleh katakan bahawa syarat pertama ialah mesti wujudnya satu *konsepsi sosial* tentang “K”.

Elemen kedua akan melibatkan proses internalisasi, pengenalan terhadap diri-sendiri, oleh individu yang memegang label-label tersebut terhadap sekurang-kurangnya sebagai sebahagian identiti peribadi dirinya. Jika label terhadap kumpulan “K” tadi sebagai contoh, maka kita boleh katakan bahawa proses ini ialah pengenalan-diri seorang individu sebagai “K”. Pengenalan-diri ini bermaksud memikirkan diri sendiri sebagai “K” dengan cara yang tertentu, yang memberi makna kepada kewujudan diri kita sendiri. Sebagai contoh, cara kita memberi reaksi terhadap perkara yang berlaku dalam kelompok “K” yang sama dengan kita – seperti apabila pasukan Malaysia menang bola sepak dengan pasukan negara

lain, kita akan bersorak kegembiraan walaupun kita sendiri tahu bahawa sebenarnya menjadi rakyat Malaysia, dalam kebanyakan hal, tidak membawa apa-apa makna pun. Proses pengenalan-diri ini juga sebenarnya berpotensi membentuk dimensi naratif yang kuat. Kebanyakan individu akan membina rangka masa depan hidup mereka disebabkan mereka mengikut apa yang didefinisikan sebagai “hidup yang baik” oleh konstruk kebudayaan mereka. Malah, dalam kebanyakan kes, pengenalan-diri sebagai sebahagian daripada kolektif yang lebih besar ini juga adalah amat signifikan walaupun melibatkan pencapaian peribadi seorang individu: bayangkan diri anda ialah Sheikh Muszaphar Shukor, bukankah anda akan berbangga sebagai “rakyat Malaysia pertama ke angkasa lepas”?

Akhir sekali, elemen ketiga yang menjadi asas struktur identiti sosial ialah kewujudan corak-corak perlakuan terhadap pemegang identiti “K”, dengan maksud bahawa pada masa-masa tertentu, anggota “K” akan *dilayan* sebagai “K”. Anggota masyarakat akan memberi reaksi terhadap seorang lelaki seperti mana yang dianggap sesuai untuk seorang lelaki, begitu juga terhadap seorang wanita. Perkara ini boleh sahaja menjadi sesuatu yang baik untuk pemegang identiti “K”, tetapi juga berpotensi untuk menjadi asas kepada diskriminasi – contohnya dalam kes seksualiti atau kewarganegaraan. Justeru, dengan tiga tonggak ini: *konsepsi sosial* tentang “K”, *pengenalan-diri* sebagai “K”, dan *layanan* terhadap pemegang identiti sebagai anggota “K”, kita memiliki asas moral yang kuat untuk mengatakan bahawa melangkaui pertimbangan individu, kumpulan beridentiti juga berkeupayaan untuk menjana tanggungjawab dan hak moral yang perlu diperhalusi. Hal ini disebabkan ia menjadi asas bukan sahaja kepada bagaimana seorang individu mengenal dirinya, tetapi juga hubungan kemanusiaan serta struktur politik-kekuasaan juga akan menerika kesannya.<sup>8</sup>

Setelah mengetahui struktur yang menjadi esensi sebuah identiti kolektif, maka perkara yang perlu diperhalusi pula ialah bagaimana *kumpulan beridentiti*, yang menjadi asas inkuiri kita dalam kertas ini, dapat dibezakan secara signifikan dengan *kumpulan berkepentingan*. Sebuah kumpulan berkepentingan tertubuh di atas kepentingan instrumental bersama tanpa mewajibkan pengenalan-diri sebagai mengandung sesuatu identiti tertentu dalam kalangan mana-mana anggotanya. Dengan kata lain, anggota kumpulan berkepentingan menyertai kumpulan tersebut bukan atas dasar pengenalan-diri,

---

<sup>8</sup>Appiah 2005.

tetapi disebabkan mereka berkongsi kepentingan instrumental yang sama. Sebaliknya, sebuah kumpulan beridentiti pula berdiri atas dasar pengenalan-diri secara bersama oleh sekelompok individu berpaksikan penanda sosial yang dikongsi bersama (*shared social markers*). Meskipun, pada masa yang sama, kedua-dua takrif ini juga boleh bertindan dalam satu entiti, tetapi apa-apa tindakan instrumental kumpulan beridentiti mustahil mendahului pengenalan-diri mereka terhadap identiti yang dikongsi bersama itu.<sup>9</sup>

#### 4 Politik Identiti dan Prinsip Pertama

Masalah yang kemungkinan berlaku, seperti yang digariskan secara ringkas di awal makalah, adalah sebegini: prinsip pertama menekankan kebebasan negatif individu, dan setiap individu kebanyakannya akan bertindak mengikut identiti kolektif yang ia kandung. Identiti kolektif pasti akan wujud kerana (1) hakikat sejarah kewujudan masyarakat majmuk dan (2) kebebasan berasosiasi dan menyertai mana-mana kumpulan yang juga konsisten dengan kebebasan individu. Jika pilihan individu tadi kemudiannya bercanggah dengan pilihan kumpulan identitinya, dan dalam kebanyakan masyarakat majmuk – seperti Malaysia – ada kelompok identiti yang mampu menggunakan monopoli kuasa untuk menjalankan paksaan ke atas individu, maka perkara yang akan berlaku adalah paksaan akan dikenakan ke atas individu tadi. Hal ini akan menyebabkan dua dimensi dalam kebebasan individu yang dijamin prinsip pertama itu bercanggah antara satu sama lain, dan akhirnya tidak mampu menjamin kebebasan negatif seseorang individu itu juga. Jadi, mengapa perlu prinsip pertama, jika kemudian ia jugalah yang akan meruntuhkan keadilan?

Rawls pernah memberi komentar tentang persoalan kumpulan beridentiti, tetapi saya dapati komentar beliau kurang memuaskan, mungkin kerana beliau tidak menekankan hal ini secara khusus berbanding membentuk sebuah ideal keadilan. Komentar yang beliau ajukan lebih kepada perselisihan antara kelompok yang berbeza, bukan seorang individu dengan kelompok yang dianggotainya sendiri – mungkin bagi Rawls, hal ini sudah dianggap selesai kerana andaian-andaian yang sudah ditetapkan dan keutamaan kebebasan individu atas kebebasan institusi selagi mana tidak bercanggah

---

<sup>9</sup>Gutmann 2003, hlm. 13-15.

dengan prinsip keadilan.<sup>10</sup> Pun begitu, saya dapati hal ini juga penting dibahaskan dalam konteks masyarakat yang majmuk bukan dari sudut identiti individu semata-mata, tetapi kepelbagaian yang wujud adalah dalam pelbagai bentuk, tahap, dan lapisan masyarakat. Malah, banyak sahaja kumpulan beridentiti yang menjadi autonomi sebagai dirinya sendiri dan diiktiraf untuk dijamin kewujudan oleh struktur politik, atas sebab sejarah, nilai intrinsik, dan sebagainya.

Untuk menyelesaikan permasalahan yang dihadapi, saya kira kita perlu meninjau apakah ideal masyarakat dan bentuknya yang diingini Rawls. Perlu diingat, bahawa prinsip-prinsip keadilan yang beliau gariskan itu adalah bersifat prosedural, dan segala yang prosedural wajib memiliki kesan substantif. Maksud yang beliau cuba sampaikan ialah, prosedur menuju kepada keadilan sosial digariskan dalam susunan institusi yang beliau cadangkan kepada kita, dan hasil akhirnya adalah ideal sebuah masyarakat yang munasabah susunannya (*well-ordered*). Bagi melihat sama ada adil atau tidak tindakan institusi sosial sesebuah masyarakat terhadap ketidakadilan, atau susunan kekayaan, kekuasaan, dan status yang dibawa bersamanya, perlulah dilihat kepada prosedur yang melatari pergerakan institusi dasar (*background institutions*) tersebut. Bagi Rawls:

*Only against the background of a just basic structure, including a just political constitution and a just arrangement of economic and social institutions, can one say that the requisite just procedure exists.*<sup>11</sup>

Untuk memahami kerangka idea Rawls dengan meluas, visi substantif beliau juga perlu ditinjau, bilamana bagi beliau, beliau mahu membentuk sebuah masyarakat yang munasabah susunannya, yang dikenali sebagai “masyarakat demokratik yang punyai pemilikan” (*property-owning democracy*). Visi ini bukan sahaja sebagai kesan kepada prosedur yang dilatari oleh prinsip-prinsip yang digariskan Rawls, tetapi juga menjadi asas untuk merealisasikan latar belakang keadilan prosedural dalam masyarakat itu sendiri. Memetik Rawls:

*In property-owning democracy, ..., the aim is to realize in the basic institutions the idea of society as a fair system of cooperation between citizens regarded as fair and equal. To do this, those institutions must, from the outset, put in the hands of citizens generally, and not only of a few, sufficient productive means for them to be fully cooperating members*

<sup>10</sup>Rawls 1999, hlm. 190-194, 216-217.

<sup>11</sup>Rawls 1999, hlm. 76.

*of society on a footing of equality... Only in this way can the basic structure realize pure background procedural justice from one generation to the next.*<sup>12</sup>

Dalam kaitan ini, perkara penting yang perlu ditinjau ialah salah satu dimensi masyarakat demokratik yang punyai pemilikan itu sendiri, iaitu demokrasi yang berfungsi. Untuk sebuah demokrasi untuk berfungsi dengan baik, struktur kepolitikan yang menjadi tonggak kepada proses demokratik mestilah tidak dipengaruhi oleh mana-mana kumpulan beridentiti bagi menjamin ideal demokrasi itu sendiri yang meraikan idea agensi (*agency*) manusia dan autonomi individu. Sekiranya autoriti kekuasaan tidak menghalang kumpulan beridentiti untuk memaksa anggota individunya – yang paksaan itu dilakukan atas dasar identiti, yakni disebabkan “dia daripada kami, maka kami berhak hukum dia”, bukan disebabkan ancaman terhadap kumpulan tersebut – maka struktur politik itu sendiri sedang bersama mengancam autonomi individu yang sepatutnya merupakan unsur asas demokrasi. Justeru, dengan membiarkan paksaan ke atas individu atas dasar individu itu bercanggah dengan sebahagian set-set identiti kumpulannya, unsur demokratik yang sepatutnya lebih tinggi dan berpaksikan *pilihan individu* boleh terancam.

Di titik ini, kita seolah-olah sedang bergerak ke arah mengatakan bahawa ‘ketika mana berlakunya pertelingkahan antara pilihan individu dengan kehendak kumpulan beridentiti yang dianggotainya, autoriti kekuasaan mesti menjamin hak memilih individu’. Persoalannya, kumpulan beridentiti juga terdiri daripada individu secara agregat, dan mereka juga bertindak atas persetujuan bersama untuk, contohnya, menghukum individu terbabit atas tindakannya. Bukankah mempertahankan individu itu pun akan menjadikan kita bercanggah dengan pilihan *ramai* individu lain, dan atas dasar apa kita boleh menjustifikasi seorang individu melebihi sebuah kumpulan?

Dalam kaitan ini, saya kira prinsip ancaman (*harm principle*) yang mula-mula disusun secara sistematik oleh John Stuart Mill lewat *On Liberty* boleh memainkan peranan penting. Dengan prinsip daripada huraian beliau, kita boleh mengunjurkan kenyataan bahawa ‘menghadkan kebebasan seorang individu dengan sengaja tanpa sebab yang signifikan merupakan satu kesalahan moral (*moral wrong*)’. Sebab yang signifikan ini termasuklah pengehadan kebebasan orang

---

<sup>12</sup>Rawls 2001, hlm. 140.

lain atau kumpulan yang telah dilakukan oleh individu itu sendiri, justeru mewujudkan justifikasi absah untuk kebebasan dirinya pula dihadkan. Hal ini adalah amat penting kerana kebebasan ialah tonggak untuk seorang individu mencapai konsepsi kehidupan yang baik.

Dilihat dari sudut ini, apabila melibatkan kepentingan sesuatu kumpulan beridentiti yang menentang pilihan seorang individu atas dasar esensi identiti tersebut, institusi politik adalah bertanggungjawab secara moral untuk melindungi kebebasan individu itu, atas dasar konsepsi kehidupan yang baik bagi beliau adalah lebih penting daripada esensi identiti yang cuba dipertahankan kumpulannya itu. Hal ini penting secara epistemik, yakni hanya individu itulah yang mengetahui apa yang baik untuk dirinya sendiri. Bahkan, untuk membentuk konsepsi kehidupan yang baik pun, seorang individu itu mestilah dahulu dijamin kehidupannya untuk memiliki agensi serta menikmati keperluan asas yang mencukupi.

Pun begitu, bagaimana pula kesimpulan ini mungkin terjadi, tatkala setiap individu yang menganggotai satu kumpulan beridentiti, pastinya akan mengenali dirinya dengan identiti itu juga. Bolehkah ia menurut konstruk identiti kumpulan tersebut dalam beberapa kes, dan tidak menurut dalam beberapa kes lain? Saya berhujah, bahawa hal ini merupakan salah satu hakikat yang harus diterima dalam masyarakat hari ini, menuruti hujahan Sen tentang kepelbagaian identiti serta pengenalan-diri dalam setiap individu yang berbeza.<sup>13</sup> Selain itu, untuk mengukuhkan pemerhatian ini, kesimpulan sosiologis Anthony Giddens tentang keadaan masyarakat moden yang identitinya sudah pun bersifat cair (*fluid*) dan tercerai (*fragmented*) juga merupakan sesuatu yang mesti direnung. Dengan cara ini, sesungguhnya, kewujudan kumpulan beridentiti itu, bersama kebebasan memilih individu itu tadi masih boleh menjadi konsisten.

## 5 Kesimpulan

Kerangka asas teori liberal Rawls itu sendiri masih berupaya menjawab persoalan yang dikemukakan, yang pada awalnya kelihatan seolah-olah memiliki masalah besar. Bermula dengan meninjau huraian prinsip pertama Rawls, esensi struktur identiti kumpulan

---

<sup>13</sup>Sen 2006.

beridentiti, serta jalan keluar yang boleh diterokai, saya harap persoalan yang ditimbulkan akan menjana perbahasan lebih mendalam lagi.

Karya-karya falsafah tentang persoalan masyarakat majmuk serta konstruk identiti dalam kaitan tuntutan keadilan masih berjalan dengan pesat. Saya masih perlu untuk memperhalusi, memperdalam, serta menjernihkan lagi hujahan dalam makalah ini.

## Rujukan

Appiah, Kwame Anthony

2005 *The Ethics of Identity*, New Jersey: Princeton University Press.

Berlin, Isaiah

1958 "Two Concepts of Liberty", dlm. *Four Essays on Liberty*, pnyt. Isaiah Berlin, Oxford: Oxford University Press (1969).

Fukuyama, Francis

2011 *The Origins of Political Order: From Prehuman Times to the French Revolution*, New York: Farrar, Straus and Giroux.

Gutmann, Amy

2003 *Identity in Democracy*, New Jersey: Princeton University Press.

Pettit, Philip & Chandran Kukathas

1990 *Rawls: A Theory of Justice and Its Critics*, London: Polity Press.

Rawls, John

1999 *A Theory of Justice (Revised Edition)*, Cambridge: Belknap-Harvard.

2001 *Justice as Fairness: A Restatement*, Cambridge: Belknap-Harvard.

Sen, Amartya

2006 *Identity and Violence: The Illusion of Destiny*, London: Penguin Books.